

11/07/1999

e-village bukan untuk hiburan

Ebi Azly Abdullah; Jamhariah Jaafar

CYBERJAYA: Penubuhan `entertainment-village' (e-village) bukan untuk tujuan hiburan saja, tetapi memainkan peranan penting dalam pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, e-village yang bakal menempatkan studio antarabangsa, akan memiliki kemudahan canggih seperti studio prapengeluaran serta makmal penyelidikan ke arah pembangunan bidang itu.

"Walaupun e-village itu akan menempatkan taman tema dan dianggap oleh ramai sebagai pusat riadah, ia tetap relevan dan menyumbang kepada pertumbuhan MSC.

"Misalnya, jika sesebuah studio itu boleh mengeluarkan kartun animasi, ia mungkin boleh digunakan oleh MSC, dan MSC pula boleh membangunkan perisian untuk mewujudkan kartun itu dengan lebih mudah.

"Ini bermakna ada interaksi di antara kedua-duanya, kerana satu pihak boleh menggunakan kemudahan pihak yang lain," katanya pada sidang akhbar di akhir mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC ketiga di sini, petang semalam.

Beliau mengulas pertemuan dua mata dengan Naib Presiden Kanan (Asia Pasifik) Motion Picture Association (MPA), Michael Connors. MPA mewakili beberapa studio gergasi Hollywood seperti Disney, Warner Bros, Universal, Fox dan Paramount.

Projek entertainment village MSC ialah inisiatif baru kerajaan yang dijangka siap menjelang 2002.

Selain studio filem berharga AS\$60 (RM228 juta), kemudahan berkenaan turut merangkumi taman tema dan pusat peranginan, sekali gus menjadikannya tarikan pelancongan.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sudah mengenal pasti kawasan seluas 1,200 ekar berhampiran Dengkil dekat sini, sebagai tapak `e-village' terbabit.

Mengenai pertemuan dengan Connors, Perdana Menteri berkata beliau menerima reaksi positif daripada pegawai kanan MPA itu yang berpendapat MSC penting dalam merangka pendekatan perfileman masa depan.

(END)